



ZULKIFLI JALIL

Masihkah universiti dibelenggu politik?

MASIH adakah pengaruh politik membelenggu hal ehwal pelantikan jawatan-jawatan tertinggi seperti Naib Canselor (NC) dan Timbalan Naib-Canselor (TNC) di universiti-universiti di negara ini?

Masih adakah lagi cengkaman politik yang mahukan 'orang mereka' ditempatkan mengisi jawatan penting lain di universiti? Semakin ketarakah gejala ini sekarang? Dan masih terjadikah TNC sedia ada ditamatkan jawatan secara tiba-tiba sedangkan tempoh tamat jawatannya hanya tinggal beberapa bulan lagi?

Persoalannya jika berlaku, bagaimana pelantikan yang baharu itu boleh dilakukan secara tiba-tiba tanpa prosedur biasa melalui permohonan dan sesi temuduga yang akan dilakukan di hadapan panel-panel dilantik oleh kementerian berkenaan? Adakah ini petanda sikap tamak dan gelojoh pihak tertentu atau yang bakal dilantik untuk menjalankan agenda politik demi kepentingan peribadi masing-masing?

“Pelantikan sebagai NC atau TNC tidak boleh dilakukan berdasarkan konsep hadiah atas perkhidmatan dalam kerajaan.”

dengan prinsip yang dilauung-laungkan untuk memastikan kebebasan universiti daripada sebarang pengaruh politik? Integriti dan kewibawaan universiti tidak harus 'diperkosa' oleh mereka yang menyalahgunakan kuasa seperti ini.

Mana-mana individu yang bakal dilantik sebagai TNC atau NC harus memenuhi ciri-ciri yang dimuktamadkan. Si empunya diri harus bersikap berani dengan melalui sistem pemilihan dan prosedur yang telah ditetapkan iaitu melalui permohonan dan temuduga. Bukannya berdasarkan pengaruh politik melalui jawatan semasa yang disandang di luar.

Bukan mudah untuk melepasi kelayakan menjadi TNC, apatah lagi jawatan profesor di universiti. Untuk jawatan profesor sahaja, memerlukan bilangan penerbitan akademik yang mencukupi. Itu baharu asas sahaja.

Seseorang NC dan TNC mesti ada ilmu. Ilmu mentadbir. *Emotional intelligence*. Mesti ada kepimpinan universiti. Tidak boleh sekadar ada autoriti untuk mentadbir. NC contohnya tidak lagi hanya bermesyuarat atau pengerusikan mesyuarat. Beliau perlu pandai *coaching* dan mentoring anak-anak buahnya. Tidak boleh lagi guna teknik lama di mana tidak melatih mereka belajar dalam bekerja. NC perlu menggunakan pendekatan terkini seperti *blue ocean strategy*. Mesti bijak dari segi pembangunan kurikulum masa depan. Beliau sendiri perlu *IT savy*. Ramai NC dikatakan tidak menggunakan IT (teknologi maklumat). Dan lebih penting lagi, NC harus menjadikan universiti mencakupi keusahawanan. Beliau perlu menjana duit. Tidak boleh mengharapkan daripada kerajaan untuk pembangunan universiti.

Begitulah peranan besar NC dan TNC. Pelantikan sebagai NC atau TNC tidak boleh dilakukan berdasarkan konsep hadiah atas perkhidmatan dalam kerajaan. Atau misalnya hanya ingin mengekalkan gred jawatan yang diterima daripada kementerian tertentu. Kementerian yang menjaga hal ehwal universiti harus melihat kembali pelantikan seseorang NC atau TNC. Sebarang keputusan yang tidak mengikut prosedur hanya akan memakan diri dan memusnahkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan yang baru setahun dipilib. Malah risikonya yang lebih besar kelak akan merosakkan sistem pengurusan universiti sekali gus melanggar etika dan nilai serta integriti dalam dunia akademik.

Jangan kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.